


Berkhidmat di Mahkamah Syariah satu tanggungjawab, kongsi pengetahuan

 beritaharian.sg/rencana/berkhidmat-di-mahkamah-syariah-satu-tanggungjawab-kongsi-pengetahuan

October 4, 2020



 **TERAJUI MAHKAMAH SYARIAH:** Cik Guy Ghazali merupakan wanita pertama yang dilantik menjadi Presiden Kanan Mahkamah Syariah selepas Ustaz Alfian Yasrif Kuchit mengundurkan diri daripada jawatan itu selepas 30 September lalu. Cik Guy juga pegawai khidmat perundangan di Perkhidmatan Perundangan Singapura, dan merupakan Hakim Daerah serta Penolong Pendaftar di Mahkamah Keadilan Keluarga hingga 31 Julai lalu. - Foto BM oleh KHALID BABA

BERKHIDMAT di Mahkamah Syariah bukan sekadar satu pilihan, malah satu tanggungjawab sebagai anggota profesi undang-undang bagi menyediakan khidmat sedemikian kepada masyarakat dan mengongsi pengetahuan.

Demikian kongsi Presiden Kanan Mahkamah Syariah, Cik Guy Ghazali, tentang faktor di sebalik minatnya berkhidmat dalam undang-undang syariah selain undang-undang sivil dalam satu wawancara dengan Berita Minggu (BM) baru-baru ini.

Dengan kepakaran dan pengalaman dalam undang-undang keluarga di mahkamah sivil dan Mahkamah Syariah, Cik Guy, 38 tahun, dilantik menerajui pucuk pimpinan Mahkamah Syariah, menggantikan Ustaz Alfian Yasrif Kuchit yang mengundurkan diri

daripada jawatan itu selepas 30 September lalu.

"Apabila anda seorang peguam Islam, terutamanya dalam amalan undang-undang keluarga, anda mesti dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan supaya dapat mewakili dan membantu klien di Mahkamah Syariah dan mahkamah sivil.

"Bagi saya, amalan Mahkamah Syariah bukan hanya satu pilihan, malah juga satu tanggungjawab sebagai anggota profesi dalam masyarakat bagi menyediakan khidmat sedemikian kepada masyarakat dan mengongsi ilmu dalam bidang ini," katanya.

BAPA DORONGAN DI SEBALIK KERJAYA

Sudah sekitar 15 tahun Cik Guy berkecimpung dalam bidang undang-undang selepas menggenggam ijazah sarjana muda undang-undang dengan kepujian dari Universiti Nasional Singapura (NUS) pada 2005.

Minatnya menceburi kerjaya dalam bidang itu didorong oleh arwah bapanya yang menyarankan beliau mempertimbang undang-undang sebagai satu pilihan selepas tamat peperiksaan Sijil Am Pelajaran (GCE) Peringkat 'A'.

"Saya mahukan kerjaya yang mempunyai sentuhan kemanusiaan... Saya menghadiri Rumah Terbuka Undang-Undang NUS dan rasa yakin bahawa undang-undang memberikan saya peluang kerjaya dengan interaksi dan hubungan manusia adalah utama dalam pembangunannya," kata beliau.

Dalam tahun ketiga atau keempat kerjayanya, Cik Guy memutuskan mengkhusus dalam undang-undang keluarga kerana mendapati ia satu bidang yang sentiasa terdapat individu yang memerlukan bantuan.

"Seperti kita tahu, keluarga adalah sebahagian hidup semua orang... Dalam perjalanan hidup, orang mungkin menghadapi masalah keluarga sama ada dalam bentuk keganasan keluarga, nafkah, perceraian, masalah anak-anak ataupun hal berkaitan hartanah," katanya.

Sejak itu, Cik Guy juga telah berkhidmat dalam Lembaga Rayuan yang mendengar rayuan terhadap keputusan yang dibuat Mahkamah Syariah atau Pejabat Pendaftaran Pernikahan Orang Islam (ROMM).

Beliau juga Hakim Daerah dan Penolong Pendaftar di Mahkamah Keadilan Keluarga hingga 31 Julai lalu.

PERTINGKAT PROSES DAN PENTADBIRAN MAHKAMAH SYARIAH

Sebagai satu-satunya mahkamah di Singapura yang mentadbir pengadilan dalam bidang undang-undang keluarga Islam, Cik Guy berkata Mahkamah Syariah mesti berada di depan pembangunan undang-undang keluarga Islam di negara ini.

Beliau turut menekankan peri pentingnya bagi mahkamah itu terus mempertingkatkan proses dan pentadbirannya demi memenuhi keperluan semasa masyarakat Islam setempat.

Apabila menyebut tentang undang-undang keluarga Islam, Cik Guy berkata ia bukan sekadar merujuk kepada undang-undang hak dan kewajipan (substantive law) Islam bagi perceraian, nafkah idah dan mutaah - dengan kedudukannya secara umumnya jelas.

Namun, ia juga merujuk kepada isu pembahagian aset perkahwinan yang boleh menjadi satu perkara yang mencabar dan tidak selalu mudah diselesaikan.

Beliau menambah bahawa Mahkamah Syariah turut menyaksikan masalah undang-undang yang lebih rumit, seperti permohonan memindahkan anak-anak ke luar negara, soalan undang-undang tentang isu bidang kuasa dan isu kuasa mahkamah serta hal prosedur.

"Dalam keadaan ini, kami harus mengambil peluang menyatakan dengan jelas dan membangunkan jurisprudens (teori atau falsafah undang-undang) dalam bidang baru ini menerusi penghakiman kami agar terdapat kejelasan dan bimbingan bagi kes serupa pada masa depan," katanya.

Usaha juga sedang dijalankan untuk mendakap teknologi, dengan Mahkamah Syariah telah mula menawarkan beberapa khidmat utamanya secara digital semasa pandemik Covid-19 ini.

Ini termasuk pengeluaran perintah mahkamah dan sijil pewarisan yang kini dilakukan secara elektronik.

Apabila usaha digitalisasi itu selesai kelak, Cik Guy berkata pihak berkepentingan boleh menikmati pentadbiran proses mahkamah yang lebih lancar.

ALU-ALUKAN PENGLIBATAN ASATIZAH

Beliau adalah wanita pertama dilantik sebagai Presiden Kanan Mahkamah Syariah, namun Cik Guy menekankan ia sesuatu perkara bukan tidak biasa bagi wanita memegang peranan kehakiman di Mahkamah Syariah.

Selama bertahun-tahun lamanya, wanita yang layak telah melaksanakan peranan kehakiman seperti presiden dan pendaftar di Mahkamah Syariah dan anggota Lembaga Rayuan.

"Saya percaya pelantikan dalam pertubuhan dibuat berdasarkan keperluan pertubuhan pada waktu tertentu itu dan penilaian pertubuhan tentang bagaimana pelantikan ini boleh memenuhi keperluan tersebut, tidak kira jantina," katanya.

Beliau turut mengalu-alukan penyertaan asatizah dalam Mahkamah Syariah, sambil menambah bahawa kekayaan ilmu mereka dalam syariah adalah penting bagi

pentadbiran undang-undang di mahkamah.

Namun, oleh sebab mungkin terdapat bidang bertindih dengan peraturan sivil, penting bagi asatizah juga memiliki pemahaman baik dalam undang-undang keluarga sivil dan kegunaannya dalam sistem Singapura.

Cik Guy berkata platform bagi mengongsi ilmu dan pengalaman bersama asatizah menerusi program bekerja sambil belajar dan sesi dialog boleh diwujudkan untuk mengongsi pandangan tentang proses pentadbiran mahkamah.

"Secara peribadi, saya berharap dapat terus membina asas yang telah dibina pemimpin sebelum saya bagi memperkukuh lagi pentadbiran dan proses Mahkamah Syariah, bekerjasama dengan rakan masyarakat demi melindungi fungsi unit keluarga, dan mewujudkan wadah untuk mengongsi ilmu dan pengalaman dengan mereka yang bercita-cita menjadi sebahagian daripada Mahkamah Syariah pada masa depan," katanya.

TANGGUNGJAWAB SEBAGAI AHLI GUAMAN

"Apabila anda seorang peguam Islam, terutamanya dalam amalan undang-undang keluarga, anda mesti dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan supaya dapat mewakili dan membantu klien dalam Mahkamah Syariah dan mahkamah sivil.

Bagi saya, amalan Mahkamah Syariah bukan hanya satu pilihan, malah juga satu tanggungjawab sebagai anggota profesi dalam masyarakat bagi menyediakan khidmat sedemikian kepada masyarakat dan mengongsi ilmu dalam bidang ini."

APABILA MEMBUAT PILIHAN KURSUS UNIVERSITI

"Saya mahukan kerjaya yang mempunyai sentuhan kemanusiaan... Saya menghadiri Rumah Terbuka Undang-Undang NUS dan rasa yakin bahawa undang-undang memberikan saya peluang kerjaya dengan interaksi dan hubungan manusia adalah utama dalam pembangunannya."

MAHU KONGSI ILMU, PENGALAMAN BERSAMA ASATIZAH

"Secara peribadi, saya berharap dapat terus membina asas yang telah dibina pemimpin sebelum saya bagi memperkukuh lagi pentadbiran dan proses Mahkamah Syariah, bekerjasama dengan rakan masyarakat demi melindungi fungsi unit keluarga, dan mewujudkan wadah untuk mengongsi ilmu dan pengalaman dengan mereka yang bercita-cita menjadi sebahagian daripada Mahkamah Syariah pada masa depan."

- Cik Guy Ghazali, Presiden Kanan Mahkamah Syariah.

Video Baru

Amrin Amin mengenai AI

Hasrat wujud budaya wakaf di sini mampu segera...

Jadi 'tauke' udang... cara sumbang...

The BM Show 2 Ep 8: Cabaran dan kemajuan wanita...

Previu The BM Show 2 Ep 8: Cabaran dan kemajuan...

+ Video lain





Podcast Baru

Dec 15th, 2020



Rumah tak nak kalah, gaji kata 'boleh blah'!

Dec 15th, 2020



#wishforrayyan (Bhgn 2): Pernah alami peritnya kehilangan anak

Dec 15th, 2020



#wishforrayyan (Bhgn 1): Perlu \$3 juta untuk selamatkan nyawa anak

Dec 10th, 2020



Kelas agama virtual kurang barakah?

Dec 8th, 2020



"Murid saya tanya... Ustazah kenapa kita mesti makan makanan halal?"

Dec 8th, 2020



"Beli rumah, jangan ikut emosi..."

+ Podcast lain